



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 JULAI 2024 (RABU)

## Rania Jadikan Haiwan Ternakan 'Rakan Karib'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	28	3 Julai

Lebih suka luangkan masa bersama lembu, kambing berbanding main gajet

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA NERUS

Ketika kanak-kanak seusia dengannya menghabiskan masa lapang dengan bermain gajet, Wan Rania Amanda Wan Mohd Faizal memilih haiwan ternakan bapanya sebagai 'rakan karib' sehingga tidak boleh berenggang walaupun sehari.

Canak-canak perempuan berusia 11 tahun itu menunjukkan minat terhadap haiwan ternakan sejak berusia tujuh tahun.

Menurutnya, sifat semula jadi dan telatah yang ada pada lembu serta kambing di kandang haiwan ternakan bapanya di Baruh Tok Jiring di sini itu mencuit hati, sekali gus memberikan tenaga positif terhadap dirinya.

"Saya akan meluangkan masa dengan haiwan-haiwan ini pada sebelah petang selepas mengikuti sesi pembelajaran waktu pagi."

"Saya rasa seronok dan tenang dapat membela haiwan-haiwan ternakan ini dan boleh merasai 'perasaan' mereka seperti rasa sedih atau rasa gembira.

"Sepanjang cuti persekolahan, saya akan menghabiskan waktu lapang untuk bermain dengan kambing betina kesayangan seperti Rocky dan Bobby serta lembu iaitu Jate dan Flora," katanya ketika ditemui pemberita di kandang bapanya di sini pada Isnin.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata, hasil dorongan bapanya dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dia berjaya mendalam beberapa kaedah penjagaan haiwan ternakan.

Menurutnya, hasil dorongan tersebut dia semakin mahir dalam ilmu penernakannya seperti rawatan sakit perut dan penjagaan anak haiwan yang baru dilahirkan.

"Saya semakin mahir menjaga anak kambing dan lembu serta ternakan yang bunting dan sedang mempelajari jenis-jenis penyakit haiwan."

"Saya juga tidak berada kekok untuk memberi makan, bergurau-senda, bermain kejar-kejar dengan haiwan ter-

# Rania jadikan haiwan ternakan 'rakan karib'



Rania tidak kekok membantu bapanya di kandang kambing milik mereka dekat Baruh Tok Jiring, Kuala Nerus.

nakan ini sebab saya rasa seronok dan mereka seolah-olah seperti 'rakan karib' saya," ujar murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1 itu.

### Cita-cita jadi doktor veterinar

Sementara itu, bapanya, Wan Mohd Faizal Wan Zulkifli, 37, yang juga seorang kontraktor berkata, Wan Rania Amanda yang meminim subjek Sains dan Bahasa Inggeris menyimpan hasrat untuk menjadi seorang doktor veterinar.

"Saya dan isteri, Shaima Nadhirah M Muslim, 32, berharap Rania berjaya menjadi seorang doktor veterinar serta bergelar usahawan ternakan."

"Kandang ternakan yang ada ini menjadi platform untuk melatih Rania dan empat lagi adiknya supaya dapat pendedahan dalam bidang ternakan pada masa depan," tambahnya.

Beliau berkata, berbeza dengan adik-beradiknya, Rania menunjukkan minat yang mendalam terhadap haiwan.

"Kalau saya tak bawa ke kandang setiap petang, dia akan merajuk kecuali kalau saya ada alasan kukuh seperti berada di luar Terengganu atau tidak sihat."

"Dia terlalu sayangkan haiwan-haiwan ini. Di rumah pun dia ada bela hamster dan kambing kerdil, Nigerian dwarf yang menjadi haiwan kesayangannya," katanya.

Wan Mohd Faizal memiliki 350 ekor kambing dan lembu di tiga kandang yang terletak di lokasi berasingan.


Dia berharap mahu membesarkan lagi perusahaan tersebut, sekali gus menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera dalam bidang ternakan.

"Kita faham bahawa sumber makanan pada masa akan datang akan berdepan cabaran."


"Jadi ini adalah salah satu cara saya memupuk minat anak-anak untuk pergi lebih jauh dalam bidang ini," ujarnya.



Rania gembira bermain dan memberi makan kepada kambing peliharaan bapanya.



Rania mula menunjukkan minat terhadap haiwan ternakan bapanya itu sejak berusia tujuh tahun laei.



Wan Mohd Faizal (kiri) menunjukkan kaedah mengenal pasti kambing yang sedang bunting kepada Rania di ladang halwan ternakan miliknya.

## Rania Persis Mogwli Versi Perempuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	15	3 Julai

Tidak berminat bermain gajet seperti kanak-kanak lain, lebih suka jaga haiwan

# Rania persis Mogwli versi perempuan

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

**KUALA NERUS** – Tidak seperti kebanyakan kanak-kanak sebaliknya, Wan Rania Amanda Wan Mohd Faizal, 11, tidak berminat bermain gajet sebaliknya. Lebih obses bergaul dengan haiwan-haiwan ternakannya bapanya.

Murid tahun lima Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Sulaiman I, Kuala Terengganu itu tidak kekok memberi makan, bergurausenda, bermain kejar-kejar dengan haiwan-haiwan ternakan berkenaan persis Mogwli versi kanak-kanak perempuan.

Wan Rania Amanda berkata, dia lebih gemar mengisi masa terluang selepas pulang sekolah dan hujung minggu bermalam dengan kambing betina kesayangannya diberi nama Rocky dan Bobby serta lembu digelar Jate dan Flora.

"Selain itu saya juga membela hamster dan kambing kerdil spesies Nigerian Dwarf yang dibawa bermain hingga ke dalam rumah.

"Membelai dan berkongsi

'perasaan' sedih dan gembira bersama haiwan-haiwan terna-

menonton video Jabatan Perkhidmatan Veterinar di laman YouTube.

Anak sulung daripada lima beradik tersebut memberitahu, antara ilmu veterinar yang dipelajarinya ialah rawatan haiwan yang sakit perut dan cara penjagaan anak kambing dan lembu baru lahir.

Wan Rania Amanda yang meminati subjek Sains dan Bahasa Inggeris berkata, dia berichtigit untuk menjadi doktor veterinar apabila dewasa kelak.

Sementara itu, bapanya, Wan Mohd Faizal Wan Zulkifli, 37, berkata, anak sulungnya, Wan Rania Amanda gemar bertanang ke kandang ternakannya setiap hari dan akan merajuk sekiranya tidak dibawa bertemu haiwan-haiwan tersebut.

Beliau berkata, anak perempuan juga larang menjual beberapa haiwan ternakan kesayangan terutama kambing kerdiil kerana terlalu menyayanginya.

"Saya bela 350 ekor kambing dan lembu di tiga kandang berasingan di sekitar daerah ini," jelasnya.



**WAN RANIA AMANDA bermain bersama haiwan ternakan bapanya di Baruh Tok Jiring, Kuala Nerus semalam.**

bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam perjagaan haiwan ternakan, dia kerap ternakan bapanya di Baruh Tok Jiring di sini semalam.

Wan Rania Amanda berkata,

"Selain itu, saya juga seronan dan tenang," katanya ketika difterui di kandang halaman

## Selamatkan Haiwan Jalanan Bukan Kerja Mudah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	22	3 Julai

**T**idak dinafikan sememangnya wujud situasi negatif dihadapi insan yang menyelamat haiwan terutama kucing jalanan. Golongan ini bergelut dengan kesulitan apabila setiap usaha membantu haiwan terbiasa untuk terus hidup tidak mendapat sokongan dan dana kewangan mencukupi.

Menerusi Apa Khabar Rakyat, Wartawan Sinar Harian, NORAWAZNI YUSOF kali ini menyngkap keluhan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang (SKJP) berhubung cabaran dan kekangan dihadapi sejak sekitar lama.

**BILANGAN** haiwan dibuang terutama kucing dilihat semakin meningkat saban hari sehinggakan ada dalam kalangan binatang ini ditimpa penyakit, mati dilanggar kenderaan atau menjadi mangsa anjing liar.

Menurut Naliah Sidek, 55, menjadi pencinta kucing bermakna terpaksa berdepan sikap segelintir manusia yang tidak menyukai haiwan berbulu halus ini.

Katanya, itu antara cabaran utama dilalui dalam usaha meneruskan visi

# Selamatkan haiwan jalanan bukan kerja mudah

dan misi membantu serta melindungi haiwan terbabit.

Naliah yang bekerja sendiri berkata, bukan semua masyarakat menyukai kucing jalanan walaupun boleh dipegang, dipeluk dan manja.

"Bila kita bantu (kucing jalanan), ada manusia yang perlu mengherdik apabila kami cuba melindungi dan memberi makanan di kawasan atau premis tertentu.

"Mereka memberi alasan (perbuatan memberi makan) mengotorkan kawasan sedangkan kami sudah meletakkan makanan di tempat sesuai," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Ibu kepada empat anak ini berkata, perasaan sedih bercampur marah timbul apabila mengetahui kucing dibuang pemilik selepas bilangan haiwan itu semakin bertambah.

Luhunya, sikap tidak bertanggungjawab ini sebenarnya menyebabkan usaha membantu seolah-olah dilakukan pencinta kucing tidak berkesudahan.

"Terlalu banyak persepsi negatif oleh

(segelintir) masyarakat terhadap kucing jalanan. Malahan ada melabelkannya sebagai haiwan liar dan makhluk perosak.

"Apa yang kami kesal haiwan yang dikatakan liar ini sebenarnya ada tuan sebelum dibuang di tempat lain atau di kaki lima," katanya yang kecewa dengan perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

Bagi suri rumah, Rohani Shamsuddin, 55, yang terlibat dalam kerja menyelamatkan kucing jalanan sejak 10 tahun lalu berkata, sumber kewangan antara kekangan utama dihadapi mereka dalam usaha membantu haiwan jalanan ini.

Katanya, kos merawat, ubatan dan makanan kucing adalah tinggi menyebabkan mereka tidak mampu memampung keperluan haiwan berkenaan.

"Semakin besar haiwan, semakin banyak peruntukan diperlukan untuk makan-

an tersebut. Kos makanan bulanan juga tinggi.

"Lebih menyediakan apabila ada kucing dibuang dijangkiti penyakit dan memerlukan rawatan serta vitamin. Jadi, perbelanjaan semakin bertambah.

"Kami tetap berusaha menyelamatkan haiwan ini walaupun bimbang dana yang ada semakin menyusut untuk menguruskan kucing ini," ujarnya.

Selain itu, Rohani mengaku mencari lokasi selesa untuk kucing berteduh daripada hujan dan panas juga merupakan satu cabaran besar.

"Setiap haiwan mempunyai perasaan dan keperluan, mereka juga perlukan tempat berteduh dan ingin disayangi seperti haiwan lain. Namun berlaku sebaliknya apabila dibuang," jelasnya.

Turut senada, Nurhuda Azwar, 31, yang terlibat dalam usaha menyelamatkan kucing sejak 2020 ketika negara menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang.

Katanya, sejak dari situ, dia mula mengambil berat perihal dan menyelamatkan kucing jalanan atas dasar empati.

Menurutnya, cabaran dihadapinya ialah mencari dana membeli sangkar besar bagi memberi keselesaan kepada kucing yang bunting selain pembelian ubat-ubatan bagi kucing sakit.

"Kalau boleh, saya mahu satu tempat perlindungan besar untuk anak kucing jalanan kerana akhir-akhir ini terdapat peningkatan haiwan yang dibuang."

"Bila ada satu tempat, ia memudahkan kami pencinta kucing menguruskan haiwan ini dengan lebih baik," katanya yang bekerja sendiri.

Dia juga berharap kerajaan dan pihak NGO mengambil isu ini dengan serius.



Ahli SKJP sentiasa berusaha mencari dana memastikan nasib haiwan jalanan terbaik.



Salah seorang ahli kelab memberi makanan kepada kucing terbiasa.

## Kerajaan dan Agensi Berkaitan Perlu Bantu Atasi Haiwan Terbiar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	22	3 Julai

### Kerajaan dan agensi berkaitan perlu bantu atasi haiwan terbiar

PIHAK berkuasa tempatan perlu memainkan peranan membantu kelab SKJP dalamusaha menangani masalah haiwan terbiar di negeri ini.

Pengerusi SKJP, Jurieena Abdul Rani, 52, berkata setiap hari kes pembuangan kucing semakin bertambah dan keadaan ini menyebabkan dana diperlukan untuk menguruskan haiwan berkenaan terus meningkat.

Menurutnya, kebanyakkan

kucing dibuang tanpa menerima jagaan sempurna akan menghadapi pelbagai risiko seperti mati dilanggar, menjadi mangsa haiwan lain seperti biawak atau anjing liar dan menghidap pe-

nyakit kronik.

Tambahnya, sekiranya kucing dibuang atau dianiaya mendapat luka teruk, tidak ramai mahu membantu disebabkan kosnya amat tinggi.

"Tapi, kami tetap perlu membantu walaupun kelab jarang mendapat perhatian atau bantuan daripada kerajaan dan menyukarkan NGO seperti kami meneruskan misi dan visi."

"Namun begitu, kita (tetap) juga berusaha mencari dana membeli makanan kucing, kos rawatan dan pemandulan dengan membuka dana melalui laman sosial," katanya yang berharap kerjasama semua pihak termasuk veterinar swasta me-

ngenakan caj rawatan minimum bagi mengurangkan kos.

Selain itu, beliau meminta satu papan iklan mengenai Akta Kebajikan Haiwan 2015 dilettakan di lokasi yang menjadi tumpuan pembuangan dan penganiayaan haiwan ini.

Tegasnya, ini bagi membuka mata masyarakat bahawa aktiviti membuat penganiayaan selain kucing boleh diklasifikasikan sebagai penganiayaan selain haiwan dipukul, ditendang, dicampak atau dibunuh tanpa sebab.

"Semua (tindakan) ini ter-

maktub dalam akta dan sekira-

nya disabilikan kesalahan boleh

didenda dan penjara," ujarnya.



Jurieena bersama sebahagian kucing jalanan yang dibuang pemilik mereka.

## Jabatan Veterinar Siasat Kes Lelaki Pukul Anjing Di Kondo Kajang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Online	2 Julai



Penyelamat bebas Shima Aris berkata husky itu kini dirawat doktor haiwan di klinik swasta dan tiada kesan luka kelihatan. (Gambar Instagram Shima Aris)

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sedang menyiasat dakwaan seorang lelaki mendera anjing husky di sebuah kondominium di Kajang.

Jurucakap ibu pejabat DVS memberitahu FMT, beberapa laporan diterimanya dan maklumat berkaitan sudah disalurkan kepada pejabatnya di Selangor untuk siasatan lanjut.

Penyelamat bebas Shima Aris berkata video kejadian itu yang tular di media sosial menunjukkan seorang lelaki

tidak berbaju menangkap anjing itu dan memukul mukanya berulang kali.

Katanya beliau bersama sekumpulan penyelamat ke kondominium itu untuk menuntut lelaki terbabit menyerahkan anjing berkenaan, yang dilakukannya dengan rela hati.

“Malangnya, masih ada seekor anjing,” katanya kepada FMT merujuk anjing Pomeranian yang turut dilihat dalam video itu.

“Saya tak dapat (bawa Pomeranian itu bersama saya) kerana tiada bukti (pemilik) memukul anjing berkenaan.”

Beliau berkata husky itu kini dirawat doktor haiwan di klinik swasta dan tiada kesan luka kelihatan.

“Kami tidak boleh melakukan pemeriksaan menyeluruh (kerana anjing itu) terlalu takut,” katanya sambil menambah anjing berkenaan akan membuang air kecil apabila penyelamat menyentuhnya.

FMT sudah menghubungi polis Kajang untuk mendapatkan komen.-[FMT](#)

## Pengusaha Ladang Ayam Diberi Tempoh Hingga 31 Dis Tukar Sistem Reban Tertutup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	2 Julai



Fahmi Zainol berkata sistem moden itu bukan sahaja berupaya mengurangkan isu pencemaran malah membantu penternak meningkatkan produktiviti dan menitikberatkan aspek pengurusan ladang terutama pengurusan sisa najis serta isu lalat. - Foto BERNAMA

**NIBONG TEBAL:** Pengusaha ladang ternakan ayam di Pulau Pinang terutamanya di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang mempunyai ternakan melebihi 20,000 ekor diberi tempoh hingga 31 Dis ini untuk beralih kepada sistem reban tertutup.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri Fahmi Zainol berkata sistem moden itu bukan sahaja berupaya mengurangkan isu pencemaran malah membantu penternak meningkatkan

produktiviti dan menitikberatkan aspek pengurusan ladang terutama pengurusan sisa najis serta isu lalat.

Beliau berkata pelaksanaan sistem itu juga selari dengan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 dan Peraturan-peraturan Pengawalan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2022 yang mula berkuat kuasa 1 Jan lepas dalam menambah baik industri ternakan di negeri ini.

"Setakat ini kerajaan negeri kekal dengan keputusan memberikan tempoh hingga 31 Dis ini untuk mewajibkan pengusaha menaik taraf kepada sistem reban tertutup. Namun, kita juga melaksanakan pemutihan bagi memudahkan pengusaha bertukar kepada sistem berkenaan.

"Menerusi program pemutihan ini, penternak dikecualikan daripada mengemukakan pelan kebenaran merancang dan hanya perlu menyerahkan pelan bangunan sahaja. Ini kerana kalau nak masuk pelan kebenaran merancang agak rumit, mahal dan sukar dipatuhi sebab reban terlalu lama," katanya kepada pemberita ketika meninjau tapak pembinaan ladang sistem reban ayam tertutup di Sungai Bakap di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) Dr Saira Banu Mohamed Rejab dan Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dr Mohammad Aklis Azmi.

Media sebelum ini melaporkan isu serangan alat antara masalah yang kerap dibangkitkan oleh penduduk Sungai Bakap

ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan itu dan mereka berharap wakil rakyat baharu dapat menyelesaikan isu yang sudah lama berlarutan itu.

Sementara itu, Dr Saira Banu berkata bilangan pengusaha yang bertukar kepada sistem itu masih sedikit berikutan kosnya mencecah jutaan ringgit dan berdasarkan maklum balas diterima pihaknya rata-rata pengusaha meminta sedikit penangguhan.

"Inisiatif ini akan dimulakan secara berperingkat sebab kalau ada 10 reban mereka tidak boleh nak naik taraf semua sebab nak bina satu pun sudah menelan kos lebih RM1 juta. Kita jangka ia tidak boleh disiapkan dalam masa dua tahun.

"Sekarang ini bergantung kepada kerajaan negeri adakah tempoh lebih panjang akan diberikan kepada pengusaha sehingga kita dapat pastikan semua ladang ayam yang ada kapasiti 20,000 ekor ke atas 100 peratus menggunakan sistem reban tertutup," katanya.

Beliau berkata ketika ini terdapat lebih 300 ladang unggas di negeri ini dan 187 daripadanya sudah diberikan lesen dengan 115 terletak di

daerah SPS, manakala bakinya masih dipantau sama ada layak diberikan lesen atau jika gagal mematuhi ketetapan digariskan maka arahan menutup ladang akan dikeluarkan.

Mengulas mengenai isu serangan lalat, Dr Mohammad Aklis berkata Jabatan Perkhidmatan Kesihatan mengambil tindakan dengan melakukan pemeriksaan di keseluruhan ladang bagi mengenal pasti mana-mana yang berisiko dan boleh menyebabkan kacau ganggu.

"Untuk isu lalat, pihak majlis menggunakan perundangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Undang-undang Kecil Bahagian Lesen dan kompaun serta notis akan dikeluarkan jika berlaku kegagalan dalam aspek pengurusan tinja dan jika indeks lalat tinggi.

"Di Taman Sintar Indah umpamanya kita telah kenal pasti tiga buah ladang bermasalah dan sudah diberikan notis serta kompaun. Kita memang sentiasa bekerjasama rapat dengan penternak untuk program kawalan lalat dan sedia bantu jika ada sebarang masalah," katanya.-

**ASTROAWANI**

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR